

**SOALAN NO: 426**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]**

**SOALAN : Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]**  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan  
bilangan syarikat tempatan yang  
terlibat dalam mengeksport durian  
Musang King ke Negara China:

- a) apakah kemajuannya selepas  
usaha-usaha dan penggalakan  
oleh Kementerian-kementerian  
baru-baru ini; dan
- b) anggaran jumlah eksport Durian  
Musang King untuk tahun ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, sebanyak 19 fasiliti pemprosesan telah mendapat kelulusan daripada *General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine (AQSIQ) China* untuk mengeksport durian dalam bentuk *pulp* dan *paste* sejuk beku ke China.

Susulan daripada Malaysian Durian Festival yang telah diadakan di Nanning, China pada 3 – 5 November 2017, pihak kerajaan sedang berunding dengan pihak AQSIQ China untuk mendapatkan laluan pasaran eksport bagi buah durian (*whole fruit*) ke China. Antara inisiatif yang telah diambil adalah mengadakan perbincangan yang berterusan dengan kerajaan China untuk memohon kerjasama bagi mempercepatkan kelulusan permohonan akses pasaran tersebut.

Wakil Kementerian telah mengadakan pertemuan dengan pihak AQSIQ China pada 12 Mac 2018 di Beijing untuk membincangkan beberapa perkara teknikal berkaitan pengurusan ladang dan analisis risiko penyakit pada buah durian. Susulan daripada perbincangan tersebut, pihak Kementerian sedang menyediakan draf protokol untuk persetujuan bersama kedua-dua pihak.

Kementerian mensasarkan jumlah eksport durian dalam bentuk *whole fruit*, *pulp* dan *paste* ke luar negara pada tahun 2018 akan meningkat kepada 20,300 metrik tan, berbanding 14,106 metrik tan pada tahun 2017.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM**

**SOALAN : NO. 427**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan universiti-universiti yang telah diberi status akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sejak tahun 2010 dan setakat ini masih terdapat berapa program akademik daripada universiti-universiti ini yang masih belum dapat akreditasi dari MQA. Berikan tarikh akreditasi penuh untuk Program Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari USM.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua jenis akreditasi yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Perakuan Status Swaakreditasi diberikan kepada sesbuah IPT manakala Perakuan Akreditasi Program (sama ada berstatus Sementara atau Penuh) diberikan kepada sesuatu program setelah lulus proses penilaian akreditasi. Status Swaakreditasi merupakan satu perakuan yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ke atas IPT yang terbukti mempunyai sistem jaminan kualiti dalaman yang kukuh dan mantap.

Sejak pertama kali dianugerahkan pada April 2010, terdapat 19 buah universiti termasuk kampus cawangan universiti luar negara dianugerahkan status Swaakreditasi, iaitu:

- (i) Universiti Malaya (UM)
- (ii) Universiti Sains Malaysia (USM)
- (iii) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- (iv) Universiti Putra Malaysia (UPM)
- (v) Monash University Malaysia
- (vi) The University of Nottingham Malaysia Campus
- (vii) Swinburne University of Technology Sarawak Campus
- (viii) Curtin University, Sarawak Malaysia
- (ix) Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- (x) International Medical University (IMU)
- (xi) Universiti Teknologi PETRONAS
- (xii) Universiti Teknologi MARA
- (xiii) International Islamic University (IIUM)
- (xiv) Universiti Utara Malaysia (UUM)
- (xv) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
- (xvi) Universiti Multimedia (MMU)
- (xvii) Universiti Tunku Abdul Rahman
- (xviii) Universiti Kuala Lumpur – Kampus Kota (UniKL Kampus Kota)
- (xix) Universiti Kuala Lumpur – Malaysia France Institute (UniKL MFI)

Sehubungan itu, program pengajian yang diakreditir sendiri oleh universiti berstatus Swaakreditasi wajib didaftarkan ke dalam Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR) untuk rujukan pihak umum, tertakluk kepada terma dan prosedur yang ditetapkan oleh MQA.

Berkenaan dengan Program Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) yang dikendalikan oleh Universiti Sains Malaysia, program ini telah mendapat Akreditasi Penuh pada 15 November 2015.

RT31/428

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIM TZE TZIN  
DARIPADA [BAYAN BARU]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diperuntukan kepada sektor pendidikan di Daerah Barat Daya Pulau Pinang dari tahun 2007 hingga 2016, mengikut tahun.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pejabat Pendidikan Daerah Barat Daya menerima peruntukan bagi pembangunan dan penyelenggaraan dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2017 sebanyak RM 1,275240.00 telah diperuntukkan kepada Daerah Barat Daya meliputi perkhidmatan penyelenggaraan kecil dan naik taraf untuk 23 sekolah kebangsaan (SK) dan 11 sekolah menengah kebangsaan (SMK). Pada tahun 2016 pihak PPD Barat Daya telah menerima sebanyak RM 773,000.00, manakala bagi tahun 2015 sebanyak RM 3,164,620.00 juga diturunkan bagi tujuan yang sama.

Bagi peruntukan perkhidmatan penyelenggaraan 3 tahun (2015,2016,2017) sebanyak RM 25,686,577.92 telah diperuntukkan untuk kawalan keselamatan. Pecahan bagi setiap tahun adalah sebanyak RM 8,562,192.64.

Bagi peruntukan perkhidmatan kebersihan kawasan bagi 3 tahun (2017 - 2015) sebanyak RM 20,292,621.60 telah diterima dan pecahan bagi setiap tahun sebanyak RM 6,764,207.20 di semua sekolah-sekolah Daerah Barat Daya iaitu melibatkan 23 buah Sekolah Kebangsaan (SK), 14 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), 2 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan 11 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) termasuk Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.